

**TATACARA BERKAITAN URUSAN
KELUAR KE BANDAR (OUTING) DAN PULANG BERMALAM
PUSAT LATIHAN TEKNOLOGI TINGGI (ADTEC) BATU PAHAT, JOHOR**

1. Ahli keluarga dibenarkan untuk hadir berjumpa pelajar mulai **jam 7.00 pagi hingga 7.00 malam** di lokasi berikut :
 - a) Bahagian hadapan pondok pengawal pada hari Ahad, Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.
 - b) Petak meletak kenderaan berhadapan Surau An-Nur ADTEC Batu Pahat pada hari Jumaat, Sabtu dan Cuti Kelepasan Am Negeri/Persekutuan
2. Semua pelajar dibenarkan keluar ke bandar (*outing*) **selepas jam 7.00 pagi** pada hari Jumaat, Sabtu dan cuti Kelepasan Am Negeri/Persekutuan.
3. Semua pelajar dibenarkan pulang bermalam sempena cuti hujung minggu (Jumaat dan Sabtu) atau cuti hari Kelepasan Am Negeri/Persekutuan.
 - a) Selepas jam **3.30 petang** sempena cuti hujung minggu.
 - b) Selepas jam **5.00 petang** sempena cuti hari Kelepasan Am Negeri/Persekutuan.
4. Semua pelajar **diwajibkan** pulang bermalam sempena cuti semester.
5. Pelajar yang keluar dari kawasan ADTEC selepas waktu latihan atau hari cuti (*outing*), hendaklah **menulis nama, masa dan tempat tuju** dalam Buku Daftar Keluar Masuk Pengawal. Pelajar juga perlu **mengimbas Kad Pelajar** yang disediakan di pondok pengawal sewaktu hendak keluar ke bandar (*outing*), pulang bermalam dan sewaktu hadir semula ke ADTEC sebagai rekod keluar/masuk. **Masa pelajar dikehendaki kembali semula ke ADTEC adalah seperti berikut :**

| Urusan | Masa Berakhir |
|-------------------------------------|---------------------------------------|
| Keluar ke bandar atau <i>outing</i> | 7.00 malam |
| Pulang bermalam (balik kampung) | Pelajar lelaki : 10.00 malam |
| | Pelajar perempuan : 8.00 malam |

6. Pihak institut menyediakan perkhidmatan penghantaran pelajar ke klinik/hospital sebanyak **satu (1) kali sehari dalam waktu bekerja**. Pelajar yang memerlukan rawatan di Pusat Perubatan Kerajaan hendaklah **menunggu di lobi ADTEC (bangunan pentadbiran) sebelum jam 9.00 pagi (Ahad-Khamis)** bagi tujuan penghantaran.
7. Pelajar dibenarkan membawa kenderaan bermotor. Walau bagaimanapun, pelajar perlu mendapatkan pekat kenderaan daripada Pembantu Belia & Sukan (En.Awang). Maklumat lanjut mengenai kenderaan motor dan lalintas jalan ada terkandung di dalam Buku Peraturan Tatatertib Pelajar ILJTM Edisi 2016.
8. Setiap pelajar pada sepanjang masa hendaklah **mematuhi** segala peraturan dan ketetapan (*Standard Operation Procedure –SOP*) yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dalam usaha mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19. Pelajar hendaklah melakukan :
 - i. Ujian sendiri RTK-Ag setiap kali **bergejala**
 - ii. **Memaklumkan** kepada Pembantu Belia & Sukan atau warden sekiranya positif COVID-19 untuk tindakan lanjut